

KOMUNISM SUATU FAHAMAN YANG MASIH MENTAH

-----*-----*-----

Asas kebendaan inilah yang membawa Komunism memerangi agama dengan hebatnya di Tanah Besar Soviet Rusia sehingga tiga kali tindakan pembersihan telah dijalankan semenjak pemberontakan tahun 1917. Tindakan pertama dilakukan pada tahun 1917-1922 yang berakibat segala masjid dan gereja ditutup ahli-ahli agama diburu keluar dari sempadan Tanah Besar Rusia, orang-orang hanya dibenarkan beribadat di dalam rumah masing-masing sahaja. Orang-orang yang beragama dipandang kolot oleh kerajaan dan tidak boleh menjadi member parti Komunis, di dalam pekerjaan mereka tidak diberi layanan yang adil; mereka tidak dinaikkan pangkat atau sebagainya. Tetapi meskipun demikian tindakan ini telah kecewa agama tidak juga terhapus rakyat dengan secara yang bersembunyi-sembunyi telah memindahkan agama ke hutan-hutan rimba dan tempat-tempat yang jauh dari mata kerajaan. Dari itu pada tahun 1923-1928 tindakan yang kedua dilancarkan dengan lebih hebat pemburuan dilakukan sampai ke hutan rimba. Bukan sedikit bilangan rakyat jelata yang terpaksa membayar agama dengan jiwanya dan bukan sedikit pula yang memilih azab derita kerana memelihara iman mereka tetapi tindakan juga telah berakhir dengan kecewa.

Oleh Al-Ustaz Yusuf Ya'kob

(sambungan dari bilangan yang lalu)

Pada tahun 1928-1935 tindakan yang ketiga dilakukan dengan secara berhabis-habisan. Agama diperangi dengan seluas-luasnya sehingga dalam rumahtangga sendiri orang tidak boleh beribadat. Orang tidak boleh lagi menyimpan gambar-gambar dan patung-patung Siti Maryam dan Nabi Isa.

Di dalam peperangan yang kedua, gergasi-gergasi Kremlin telah menginsafi satu hakikat yang tidak disangka-sangka mereka iaitu "rasa ber-Tuhan" yang diperangi mereka itu telah menjadi punca keberanian dan kepahlawanan tentera-tentera Rusia dalam mententangi rempuhan-rempuhan musuh. Setelah peperangan berhenti Rusia mahu tidak mahu terpaksa mengembalikan kebebasan beragama kepada rakyat jelatanya sehingga hari ini, tetapi kebebasan itu bukan ketara dengan kebebasan yang kita faham dalam negara demokrasi dasar besar komunism tetap memusuhi agama kerana dasar itu terbentuk dari falsafah kebendaan, dan

sehingga hari ini orang-orang yang beragama di Rusia belum lagi diterima menjadi member Parti Komunis dan mereka sentiasa dipandang kolot oleh negara.

35 tahun pengalaman Rusia di dalam memperkatikkan komunism telah kecewa di dalam memerangi agama atau memerangi fikiran bertuhan biarpun dia mengerah kekuatan dan tenaga yang teratur untuk menghapuskannya kerana komunism lupa bahawa "semangat bertuhan" itu bukanlah dari ciptaan zaman atau dari ciptaan perubahan susunan iktisad, bahkan dia adalah dijadikan bersama manusia, dijadikan sebagai salah satu tabiat jiwa manusia dengan digantikan dengan falsafah, izam kemasyarakatan atau teori ekonomi kerana semangat bertuhan itu adalah lebih dalam duduknya di dalam jiwa manusia dari falsafah, izam-izam dan teori kerana ia adalah keinginan tabii ayau rindu dendam asli yang tidak akan merasa puas melainkan dengan beriman. Ia tidak ubah seperti keinginan tubuh anggota kepada makanan

minuman dan lain-lain keperluan hidup.

Komunism telah tersimpang siur ketika dia menganggap bahawa rasa bertuhan itu boleh dibuang dari jiwa manusia dan boleh digantikan tempatnya dengan izam komunis dan teori ekonomi. Kalau rasa bertuhan boleh diampang dan didiam dengan kekuatan senjata atau lainnya untuk berapa ketika maka itu juga bererti dia telah mati dan hilang dari istana jiwa insan, bahkan satu masa ia akan menyala dan meletup mempengaruhi insan apabila mereka menghadapi satu keadaan besar yang tidak boleh diatasi oleh manusia dan tenaga-tenaga dalam alam.

Banyak jaguh-jaguh fikiran yang bebas cuba hendak melepaskan dirinya dari rasa bertuhan ketika mereka mentafsirkan susunan dan kejadian-kejadian alam tetapi mereka kecewa kerana makin mereka mendalami makin banyak bukti-bukti ketuhanan.

Rasa bertuhan adalah satu tali sambungan di antara insan dengan alam ghaib yang tinggi, alam ketuhanan yang sulit. Rasa inilah yang menjadi tenaga besar di dalam jiwa manusia, kekuatan yang tersembunyi di dalam kalbu manusia yang mana ia merasa bahagia, aman damai, suka redha, senang hibur, merasa mempunyai penih harapan, kuat dan gagah, merasa dirinya lebih besar dan mulia dari makhluk-makhluk Tuhan yang lain yang hanya terpenjara di dalam pagar kebendaan yang sempit dan rendah, merasa tidak dagang dalam belantara hidup dan merasa tidak gentar menghadapi zaman datang yang belum diketahui.

Ahli psikologi pernah berkata bahawa rasa bertuhan itu adalah menjadi batu yang menjaga perimbangan peribadi insan dan punca ketenteraman jiwanya di dalam menghadapi pergolakan hidup.

2. Kebebasan fikiran.

Di dalam masyarakat komunis lebih tepat dalam masyarakat Soviet, kebebasan fikiran tidak dikenali. Fikiran seluruh rakyat jelata telah dijadikan hak negara; iaitu rakyat hanya

boleh berfikir apa yang dikehendaki dan dipersetujui oleh negara dan pasti mengubah fikirannya apabila negara menghendaki perubahan itu. Segala punca pelajaran dan pendidikan yang terdiri dari sekolah-sekolah, universiti-universiti gedung-gedung perpustakaan dan sebagainya telah menjadi alat untuk mengembang izam komunis menanam falsafah Marxism ideologi Lenin dan Stalin. Bukan lagi untuk mengembangkan kebolehan dan kebijaksanaan manusia amnya.

Satu aliran falsafah inilah sahaja yang dibenarkan menjadi makanan otak rakyat Rusia bahkan sudah menjadi lambang perjuangan mereka untuk mengecop otak manusia semuanya dengan warna merah inilah erti yang terkandung di dalam rancangan “pemberontakkan” orang-orang komunis.

Di dalam masyarakat Soviet orang tidak boleh memajukan kecaman terhadap pemerintah, tidak boleh membantah peraturan-peraturan negara-negara orang tidak boleh menyentuh Stalin baik dengan secara langsung atau cara jalan belakang kerana fikiran. Pengkritik-pengkritik akan diberi kerja berat dan menderita di belantara Syria.

Trotsky Trotsky sendiri sewaktu dalam pembuangan pernah mengkritik negaranya. Dia berkata di dalam negara yang hanya kerajaan sahaja yang menjadi penggaji maka tiap-tiap bangkangan bererti mati kelaparan. Dasar lama yang melunaskan bahawa “orang yang tidak bekerja tidak boleh makan” telah bertukar menjadi “orang yang tidak taat setia tidak boleh makan.”

Di dalam lapangan bersurat khabar kerajaan Soviet telah menegarakan semua punca-punca surat khabar dari kertas-kertas, alat-alat pencetak, bangunan-bangunan sampai kepada isi rencana semuanya di bawah arahan dan genggaman negara.

Di dalam lapangan kesusasteraan dan kesenian semua aliran-alirannya ditumpu kepada memperjuangkan dan menggambarkan ideologi Marx, Lenin dan Stalin. Tidak ada di sana dasar seni untuk seni” atau seni untuk masyarakat” tetapi hanya “seni untuk komunism”.

3. Kebebasan bertindak

Seorang pengarang Jerman yang bernama Ludwig von Mises (Ludwig von Mises) di dalam bukunya (Socialism) telah mensifatkan masyarakat di dalam negeri sosialis sebagai masyarakat tentera atau masyarakat rasmi (Official) kerana tiap-tiap sesuatu bergantung kepada perintah dan arahan dari negara. Orang pasti menurut apa yang diperintah dan bergerak ke mana dia disuruh bergerak. Tiap-tiap suatu tidak dapat dilakukan dengan fikiran dan tindakan yang bersendirinya.

Rakyat jelata Soviet tidak seperti rakyat jelata dunia yang lain, mereka dikurung di belakang tabir besi, dan orang-orang luar tidak dibenar memasuki perbatasan negara?

Tiap-tiap gerak geri berlaku dalam pemerhatian polis merah yang cekal dan bengis, tiap-tiap seseorang mengintip satu sama lain untuk mengetahui patut setia atau belotnya kepada komunism. Oleh itu orang pernah menamakan masyarakat Soviet "masyarakat sepi atas sepi atau penyuluh atas penyuluh".

Di dalam soal pemilihan, meskipun rakyat Soviet diberi kebebasan memilih tetapi di sana lebih dari 90 peratus calon-calon yang dilantik itu terdiri dari pengikut-pengikut Stalin yang setia kerana di sana tidak ada parti politik di dalam peri ketika lain dari parti komunis.

Di dalam masyarakat komunis tidak ada kebebasan memilih kerja kerana tiap-tiap seseorang mesti menunggu perintah dari negara apa yang pasti dia kerja. Penuntut di dalam gedung-gedung pelajarannya tidak ada kebebasan memilih cawangan ilmu yang dicenderung bahkan dia pasti belajar apa yang diperintah belajar.

Kesimpulan akhir

Orang-orang yang berfikiran waras dapatlah mencari kesimpulan sendiri adakah komunism yang telah memerangi Tuhan, mengampang jalan fikiran dan mengganggu kebebasan

bergerak manusia itu boleh membawa kepada insan sebuah syurga masyarakat dan boleh dianggap satu tata masyarakat yang mengirakan harga dan kehormatan manusia?

Sejarah telah banyak membuktikan bahawa insan tidak boleh hidup dengan fikiran yang terbelenggu lambat bangat dia akan meletup kerana rasa cintakan kebebasan berfikir itu adalah petaka aliran air sungai yang besar, beberapa kuat diampang dia pasti mengatasi mencari jalan keluarnya.

Falsafah Hegel (Hegel) menganggapkan bahawa seseorang rakyat itu pasti dihapus wujudnya ke dalam wujud negara adalah faham yang tidak boleh lagi ditelan dengan nyaman oleh generasi atom walaupun faham itu boleh ditelan oleh rakyat Soviet di bawah kediktatoran negaranya.

Peringatan.

Inilah timbangan kita terhadap komunism sebagai undang-undang ekonomi.

Jangan lupa bahawa dalam menimbang komunism kita harus jangan semata-mata tertarik kepada peraturan ekonominya sehingga kita melupakan attitudenya (sikapnya) terhadap hak-hak kejiwaan manusia iaitu suatu hak yang terpenting dan istimewa yang akan menjadikan manusia tidak akan merasa bahagia kalau hak-hak itu terampas biarpun perut mereka penuh dengan makanan-makanan yang enak.

Kita sebagai insan harus jangan terlampau mengikatkan diri kita dengan buta tuli kepada izam-izam ciptaan manusia bahkan ciptaan-ciptaan itu hendaklah ditimbang dengan neraca kita yang saksama iaitu "harga manusia dan kehormatan sebagai manusia". Neraca inilah yang sanggup melahirkan segala keburukan yang tersembunyi di dalam mana-mana izam dan neraca inilah yang sanggup membawa kebahagiaan dan keadilan kepada manusia. Setelah ditimbang: ambillah yang baik dan tinggalkanlah yang buruk.